BAB DUA

PENDEKATAN KAJIAN ORIENTALIS TERHADAP ISLAM

2.0 PENGENALAN

Pendekatan kajian orientalis pada pandangan masyarakat Timur, mempunyai persepsi yang penuh dengan tipu helah dan kesannya sangat merbahaya kepada masyarakat terutama yang beragama Islam. Orientalis yang berpandukan kepada fahaman sekularisme iaitu fahaman yang memisahkan hal-hal agama dengan segala urusan dunia, beranggapan agama Islam merupakan agama ciptaan Nabi Muhammad SAW yang penuh dengan kepalsuan sehingga ia perlu diganti dengan fahaman yang lebih berkonsepkan terbuka, fleksibel[1] dan bersesuaian dengan peredaran zaman.[2] Bagi memastikan rancangan tersebut berjalan lancar, beberapa pendekatan telah dikenal pasti antaranya melalui kajian penyelidikan yang mendalam merangkumi segala perkara berkaitan Islam termasuklah undang-undangnya. Ianya bertujuan untuk menguasai masyarakat Timur khususnya di negara-negara yang beragama Islam.[3]

---

[1] Shamsul Amri Baharuddin (2000), "Ilmu Kolonial dan Pembinaan Fakta Mengenai Malaysia", dalam Rahimah Abdul Aziz (ed.), *Masyarakat, Budaya dan Perubahan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hh. 190-193.

[2] Sila lihat Hashim Musa (2001), *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Ketiga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 3.

[3] Wan Asma' Wan Abu Bakar et al (ed.) (2010), *Beberapa Perspektif dalam Pemikiran Islam*, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), hh. 73-75.

2.1 TAKRIF ORIENTALISME

Orientalisme berasal daripada perkataan *orient* yang mendapat tambahan *al* dan isme. Perkataan *orient* merupakan kosa kata dari bahasa Perancis yang bermaksud "timur". Secara geografinya, *orient* bermaksud "dunia timur", sedangkan secara etnologinya ia diertikan sebagai "bangsa-bangsa di timur".[4] Manakala perkataan *oriental* dalam bahasa Inggeris bermaksud "hal-hal yang berhubungan dengan timur". Perkataan *isme* bererti "sesuatu fahaman, doktrin, ajaran, sistem, aliran atau sikap".[5] Oleh itu, istilah orientalisme boleh diertikan sebagai suatu fahaman atau sistem pemikiran tentang masalah-masalah yang berkaitan dengan timur. Golongan yang mempelajari persoalan-persoalan berkaitan ketimuran akan disebut dengan istilah orientalis.

Joesoef Sou'yb, mendefinisikan orientalisme sebagai suatu kegiatan penyelidikan ahli-ahli ketimuran di Barat tentang agama-agama di Timur, khususnya mengenai agama Islam.[6] Manakala bagi Edward Said pula, orientalisme merupakan suatu kaedah untuk memahami dunia Timur berdasarkan pengamatan masyarakat Barat.[7] Pandangan Edward Said ini merangkumi tiga hal yang berbeza tetapi saling berkaitan antara satu sama lain, iaitu:

1) Orientalis merupakan individu yang mengajar, menulis sebuah karya atau melakukan serangkaian penyelidikan tentang dunia Timur. Golongan ini terdiri daripada ahli antropologi, sosiologi ataupun filologi.

---

[4] Joesoef Sou'yb H.M. (1985), *Orientalisme dan Islam*, Jakarta: P.T. Bulan Bintang, h. 1.

[5] Muin Umar (1978), *Orientalisme dan Kajian Tentang Islam*, Jakarta: Bulan Bintang, h. 7.

[6] Joesoef Sou'yb H.M. (1985), *Op.cit*, hh. 1-2.

[7] Said, Edward W. (1977), *Orientalism*, London: Penguin, hh. 1-4.

2) Orientalisme adalah kaedah pemikiran yang berdasarkan kepada perbezaan ontologisme dan epistemologi antara dunia Timur dan Barat.
3) Orientalisme merupakan kaedah orang Barat untuk mendominasi, merestrukturisasi dan menguasai masyarakat Timur. Ianya berkepentingan mencipta pernyataan-pernyataan mengenai dunia Timur khususnya berkaitan agama, mengajari dan menguasai dunia Timur seterusnya mengubah mengikut kehendak mereka.[8]

2.2 PENDEKATAN KAJIAN ORIENTALIS TERHADAP ISLAM

Bagi mengenal pasti pendekatan kajian orientalis terhadap Islam, penulis membahagikan kepada tiga peringkat, iaitu pendekatan pada zaman perang salib, pada zaman kebangkitan dan pada zaman kolonialisme. Ketiga-tiga peringkat tersebut merupakan titik tolak kepada perkembangan pemikiran sekularisme di Barat, yang secara jelas amat merbahaya kepada masyarakat Timur, yang dikhuatiri akan mengikis pengaruh Islam dalam diri golongan tersebut.

2.2.1 Pendekatan Kajian Orientalis Pada Zaman Perang Salib

Sepanjang tercetusnya Perang Salib dari tahun 1096 hingga 1291, penganut Islam telah diprovokasikan sebagai bangsa yang berpewatakan buruk oleh golongan orientalis. Ianya bertujuan untuk menaikkan moral tentera salib pada masa tersebut.[9] Penganut Islam telah ditonjolkan sebagai bangsa Barbar yang ganas kerana mereka dahagakan darah penganut

---

[8] *Ibid.*

[9] Joesoef Sou'yb H.M. (1985), *Op.cit*, hh. 37-67.

Kristian.[10] Malah, penganut Islam dipandang sebagai bangsa yang hina untuk tujuan penyebaran agama Kristian.[11] Paparan mengenai Islam diakui sendiri oleh sarjana orientalis sebagai sangat kabur. Mereka sekadar memberikan paparan yang negatif berasaskan kepada:

a) Cerita dongeng,[12] fantasi dan mitos yang memburukkan Islam tanpa sebarang bukti yang kukuh.
b) Penyelewengan dalam karya Islam khususnya terjemahan al-Quran yang dihasilkan oleh sarjana Barat ketika menuntut ilmu di Cordova sebelum meletusnya Perang Salib. Ia telah disalahtafsirkan oleh golongan tersebut yang rata-ratanya tidak menguasai sepenuhnya bahasa Arab.[13]

Kesan dari sikap golongan ini yang berat sebelah dalam mengkaji Islam, mereka dengan bangganya mengeluarkan pandangan tersendiri walaupun terbukti berlawanan dengan fakta yang ada seperti dari al-Quran, karya ulama mahupun hasil peninggalan sejarah. Berdasarkan sikap tersebut, mereka lebih mengetahui keburukan mengenai Islam, antaranya:

a) Nabi Muhammad SAW telah dikategorikan sebagai manusia biasa, bukannya sebagai pesuruh Allah SWT seperti mana yang disebutkan di dalam sejarah Islam.[14]

---

[10] Cahen, C. (1965), "Crusaders", dalam *The Encyclopaedia of Islam*, bil. 11, London: E.J. Brill, Luzac & Co, h. 66.

[11] Miller, William M. (1976), *A Christian's Response to Islam*, N.J.: Presbyterian and Reformed Publishing Company, hh. 18, 39 & 59.

[12] Daniel, Norman (1966), *Islam, Europe and Empire*, Edinburgh: Edinburgh University Press h. 6.

[13] Calverley E.E. (1958), *Islam: An Introduction*, Cairo: The American University in Cairo Press, hh. 2-3.

[14] Margoliouth, D.S. (1975), *Muhammad and the Rise of Islam*, New York: AMS Press, hh. 45-46.

Rasulullah telah diangkat sebagai manusia yang hina,[15] licik dalam menyebarkan agama ciptaannya[16] dan menggunakan al-Quran yang diciptakannya sendiri hasil peniruan dari kitab agama Yahudi dan Kristian.[17]

b) Islam didakwa sebagai agama yang terhasil dari budaya Timur Tengah. Ianya memerlukan suatu kerangka yang agak keras bersesuaian dengan latar belakang masyarakat Timur Tengah, yang sudah pasti tidak sesuai untuk bangsa yang bukan dari kawasan tersebut.[18]

c) Nabi Muhammad SAW menyebarkan Islam hanya kerana dorongan ekonomi dan keinginan untuk mendapatkan harta rampasan perang semata-mata. Susulan dari itu, Rasulullah telah menjalankan operasi ketenteraan yang bermatlamatkan keinginan feudal untuk membolot sumber kekayaan dari setiap tanah jajahan.[19] Secara tidak langsung, ini telah menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang mengutamakan kekerasan untuk menguasai sesuatu dan harus ditakuti oleh masyarakat lain.[20]

d) Islam dinisbahkan sebagai Muhammadanisme yang diasaskan oleh Nabi Muhammad SAW, hasil peniruan dari agama Yahudi dan Kristian.[21] Bermula di situlah, sarjana orientalis mendakwa bahawa Islam adalah suatu kumpulan dari agama Kristian yang sesat.

---

[15] Rodinson, Maxime (1977*), Muhammed*, London: Pelican Books, h. 53.

[16] Macdonald, D.B. (1917), "Doctrine of Revelation in Islam", dalam *The Muslim world*, bil. 7, hh. 116-117.

[17] Bell, Richard (1926), *The Origin of Islam and its Christian Enviroment*, London: Frank Cass, h. 73.

[18] Watt, W.M. (1954), "Economic and Social Aspects of the Origin of Islam", dalam *The Islamic Quarterly*, j. 1, bil. 1, h. 97.

[19] Turner, Bryan (1983), *Weber dan Islam*, Jakarta: Direktorat Pembinaan PTAI, hh. 20 & 56.

[20] Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai dakwaan orientalis bahawa Islam adalah agama yang mementingkan kekerasan, sila lihat Said, Edward W. (1977), *Op.cit*, hh. 113-185.

[21] Bell, Richard (1926), *Op.cit*, h. 73.

2.2.2 Pendekatan Kajian Orientalis Pada Zaman Kebangkitan

Pendekatan kajian orientalisme pada zaman ini telah berlaku perubahan besar selepas tamatnya era perang salib. Perubahan yang dimaksudkan di sini adalah pendekatan ini telah terpengaruh dengan pemikiran sekularisme yang berkembang pesat di kalangan ilmuan Barat. Pemikiran ini telah menolak agama sebagai pegangan hidup dalam kehidupan manusia, sebaliknya agama dikatakan sebagai punca penderitaan umat manusia.[22] Sebagai gantinya, manusia perlu menggunakan kepandaian akal dengan sepenuhnya sekiranya menginginkan kemajuan.

Berdasarkan konsep penggunaan akal semata-mata ini, pendekatan kajian orientalis menumpukan kepada perbincangan mengenai elemen epistemologi iaitu isu berkaitan sumber, status dan neraca penilaian sesuatu ilmu. Ini telah melahirkan dua aliran iaitu rasionalisme; akal sebagai sumber utama ilmu dan aliran empirisisme; pengalaman sebagai sumber ilmu dan kebenaran.[23] Secara dasarnya kedua-dua aliran ini menolak semua elemen ketuhanan dalam kehidupan manusia, malah lebih menumpukan kepada kepuasan nafsu manusia.

Selain dari dua aliran di atas, pendekatan ini turut melahirkan falsafah humanisme,[24] iaitu penumpuan kepada semua urusan pembangunan di dunia tanpa sebarang pertimbangan

---

[22] Idris Zakaria (1999), "Intelek Eropah dan Penentangan Terhadap Agama", dalam *Al-Maw`izah*, bil. 7, hh. 15-21.

[23] Schacht, Joseph (1950), *The Origins of Muhammadan Jurisprudence*, Oxford: Clarendon Press, hh. 14-23.

[24] Mohd Kamal Hassan (1996), *Toward Actualizing Islamic Ethical and Educational Principles in Malaysia*, Kuala Lumpur: ABIM.

akhirat, hanya menfokuskan kepada kepuasan diri dan nafsu manusia semata-mata. Hasilnya, falsafah ini telah melahirkan sejumlah besar paradigma disiplin keilmuan bagi mewujudkan sebuah tamadun berkonsepkan materialistik, iaitu:

1) Paradigma bebas dalam menilai sesuatu kajian keilmuan. Sebagai sarjana orientalis seseorang itu perlu menjadikan dirinya bebas ataupun meninggalkan pegangan agamanya dalam menjalankan penyelidikan tidak kira apa bidang keilmuan sekali pun. Pendekatan yang berpegang kepada agama akan menjadikan seseorang itu tidak bebas untuk menjalankan penyelidikan yang bersifat kritikal terhadap agamanya.
2) Falsafah logikal empirikal positivisme; ianya merupakan kajian keilmuan yang dianggap oleh sarjana orientalis sebagai satu-satunya kaedah untuk mendapatkan suatu fakta keilmuan dengan tepat dan betul melalui kaedah penelitian yang cukup sistematik, teliti dan objektif.[25] Pendekatan ini pada dasarnya berpunca dari sikap mereka yang menolak agama dan perkara-perkara ghaib yang tidak dapat dilihat dan ditangani dengan pancaindera.[26]
3) Falsafah historisisme; ianya menekankan bahawa perkembangan sejarah sebagai aspek yang amat penting dalam kewujudan manusia. Walau bagaimanapun, falsafah ini terpengaruh dengan pemikiran sekularisme yang menganggap agama sebagai kolot dan perlu ditolak di dalam sesuatu perkiraan akademik. Melalui falsafah ini, dua elemen penting telah dikenal pasti:

---

[25] Mohd Natsir Mahmud (1997), *Orientalisme: Al-Quran di Mata Barat (Sebuah Studi Evaluatif)*, Semarang: Dina Utama, hh. 10-12.

[26] Abdul Rahman Abdullah (2000), *Wacana Falsafah Sejarah: Perspektif Barat dan Timur*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 71-72.

a) Untuk memahami sesuatu fakta sejarah, pengkaji perlu melakukan penelitian yang rapi terhadap sesuatu peristiwa yang berlaku.[27] Akan tetapi penelitian tersebut berlandaskan sudut pandangan yang skeptikal dan menolak sebarang fahaman yang berunsurkan ketuhanan terutamanya agama Islam.

b) Huraian terhadap peristiwa sejarah yang bersifat anti ketuhanan menyebabkan manusia terpaksa bergantung sepenuhnya dengan akal di dalam mencari sebab musabab terhadap sesuatu peristiwa yang berlaku.[28]

4) Falsafah materialistik mekanisme; ianya digunakan dalam proses pembangunan aspek fizikal yang membabitkan alam sekitar di dalam sesuatu masyarakat. Fahaman ini menganggap alam sebagai sumber utama yang mesti dimanfaatkan sepenuhnya walaupun membelakangkan nilai ketuhanan. Pandangan ini telah melahirkan golongan yang bersifat individualistik iaitu lebih menjurus kepada kepuasan peribadi berbanding dengan penjagaan alam.[29] Berasaskan kepada falsafah ini, dua penekanan telah diberikan:

a) Segala hasil kekayaan alam adalah hak milik manusia sepenuhnya dan telah dipertanggungjawabkan untuk menerokai hasil kekayaan tersebut.

b) Segala hasil alam perlu diterokai mengikut kerangka pemahaman sekularisme agar ia boleh dieksploitasi untuk kepentingan manusia moden.

---

[27] Friedrich Meinecke (1956), "Historicism and Its Problems", dalam *The Varieties of History*, New York: Oxford University Press, h. 278.

[28] Maurice Mandelbaum (1986), "Historisme", dalam *The Encyclopedia of Philosophy*, j. iv, h. 24.

[29] Zaini Ujang (1989), "Tinjauan Terhadap Pendidikan Bersepadu: Suatu Sorotan Dalam Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar", dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, j. 2, bil. 1, hh. 39-42.

2.2.3 Pendekatan Kajian Orientalis Pada Zaman Kolonialisme

Pada zaman ini, pendekatan kajian orientalis telah digunakan sepenuhnya bagi tujuan membantu kuasa penjajah Barat untuk menguasai sebahagian besar dunia Islam khususnya Alam Melayu. Syed Muhammad Naquib al-Attas membahagikan proses naik dan jatuh sesuatu tamadun Islam termasuklah Alam Melayu kepada tiga peringkat iaitu:

1) Peringkat awal penerimaan Islam oleh masyarakat di Alam Melayu, kemudian diikuti dengan komitmen dalam menghayati dan mengamalkan ajaran Islam;
2) Peringkat kegemilangan yang menyaksikan perkembangan ilmu pengetahuan Islam yang dimulakan dalam pentadbiran kesultanan Melayu pada masa itu sehingga wujudnya pengajian pondok dan;
3) Peringkat keruntuhan dalam pentadbiran kesultanan Melayu akibat dari kelemahan dalaman sendiri, kemudian telah mengalu-alukan kedatangan kuasa penjajah Barat untuk menolong menyelesaikan masalah tersebut pada asalnya tetapi telah berubah kepada proses penjajahan.[30]

Penjajahan ini dilaksanakan mengikut perancangan rapi yang disusun oleh beberapa kuasa penjajah Barat, seperti kuasa Portugis (1511-1641), Belanda (1641-1824) dan British (1824-1957). Sejarah telah mencatatkan bahawa masyarakat Tanah Melayu telah mempunyai pengalaman berinteraksi dengan pelbagai bentuk masyarakat majmuk seperti

[30] S.M. Naquib al-Attas (1969), *Preliminary Statement on A General Theory of The Islamization of The Malay-Indonesian Archipelago*, Kuala lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 29-30.

India, China, Jawa, Parsi dan Arab tanpa mengalami sebarang masalah.[31] Keadaan ini mula berubah selepas kedatangan penjajah Barat, bermula dengan penubuhan syarikat besar seperti *East Indian Company* yang memperkenalkan pendekatan kapitalisme tanpa mempedulikan kebajikan masyarakat yang lain. Penjajah Barat khususnya British telah mengambil peluang ini untuk menyebarkan agama Kristian dan melaksanakan tugas mentamadunkan bangsa bukan *Caucasian* yang kononnya perlu ditamadunkan melalui proses penjajahan.[32]

Jika dibandingkan kesan dari penjajahan ini, penjajah British telah meninggalkan pelbagai kesan negatif untuk jangka masa yang panjang. Antara kesan tersebut adalah memperkenalkan komposisi masyarakat majmuk yang telah mengubah keadaan demografi penduduk Tanah Melayu kepada perkauman[33] dan menjalankan program untuk menghapuskan pengaruh Islam di Tanah Melayu.[34] Apa yang pasti ialah para orientalis Barat khususnya dari aliran fungsionalisme menekankan bahawa pentingnya setiap anggota masyarakat perlu berani meninggalkan amalan tradisi dan pegangan agama sekiranya ingin berjaya dalam kehidupan. Dalam zaman ini, tenaga pakar daripada sarjana orientalis telah

---

[31] Idris Zakaria (2003), "Islam dan amalan toleransi di Nusantara", dalam *Jaringan Dakwah Malaysia Indonesia*, Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), hh. 150-164.

[32] Maklumat lanjut boleh didapati dalam Sivachandralingam Sundara Raja (2001), "Sumbangan Pedagang Negeri (Country Traders) dalam Penulisan Sejarah Malaysia", dalam Mohammad Redzuan Othman (ed.), *Jendela Masa; Kumpulan Esei Sempena Persaraan Dato' Khoo Kay Kim*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hh. 85-94.

[33] Syed Hussein Alatas (1977), *The Myth of the Lazy Native: A Study of the Image of the Malays, Filipinos, and Javanese from the Sixteenth to the Twentieth Century and its Functions in the Ideology of Colonial Capitalism*, London: Frank Cass, hh. 72-80.

[34] Siddiq Fadzil (2012), *Islam dan Melayu: Martabat Umat dan Daulat Rakyat*, c.3, Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan, Kolej Dar al-Hikmah, hh. 2-4.

digunakan sepenuhnya oleh penjajah Barat dalam usaha mereka menguasai tanah jajahan. Kepakaran orientalis ini telah diterapkan ke dalam pemikiran penjajah Barat dalam beberapa bentuk, iaitu;

Pertama, mengkaji kebudayaan masyarakat Timur dalam semua aspek merangkumi positif mahupun negatif. Kajian ini secara tidak langsung menjadi alat kepada penjajah Barat khususnya British[35] dalam menghuraikan secara lengkap mengenai kekuatan dan kelemahan masyarakat Timur. Seterusnya dipelajari untuk menguatkan penguasaan mereka terhadap masyarakat tanah jajahan.

Hasil dari kajian tersebut, pihak orientalis mendedahkan bahawa masyarakat Melayu penuh dengan sifat negatif seperti malas,[36] keras kepala,[37] suka berfoya-foya,[38] suka berhutang,[39] tidak boleh diharap[40] dan sebagainya. Untuk memperbaiki keburukan ini, kuasa British telah diangkat sebagai penyelamat masyarakat Melayu[41] apabila memperkenalkan sistem pendidikan berkonsepkan Barat yang berorientasikan materialisme dan pemupukan budaya British, tetapi hanya dikhususkan kepada kelas feudal Melayu

---

[35] Asaf Hussain (1984), "The Ideology of Orientalism", dalam *Orientalism, Islam and Islamist*, Vermont: Amana Books, hh. 5-22.

[36] A. Wright & T.H. Reid (1912), *The Malay Peninsula*, London: T.F. Unwin, h. 315.

[37] De Eredia, E.G. (1930), "The Description of Malaca", dalam *JMBRAS*, v. 8, pt. 1, h. 31.

[38] Raffles, T.S. (1830), *Memoir of the Life and Public Services of Sir Stamford Raffles*, London: John Murray, hh. 9 & 288-289.

[39] Wheelar, L.R. (1928), *The Modern Malay*, London: George Allen & Unwin, hh. 95 & 223.

[40] Swettenham, F. (2005), *Perihal Orang Melayu*, Zubaidah Ibrahim (terj.), c.2, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hh. 2-3.

[41] Dalam soal ini, sila rujuk , R.O. (1934), "A History of Perak", dalam *JMBRAS*, v. 12, pt. 1, h. 73.

sahaja.[42] Berasaskan maklumat yang diperolehi dari kajian orientalis,[43] mereka telah melatih golongan feudal Melayu ini untuk menjadi orang suruhan kepada pihak penjajah British dalam usaha memperkukuhkan penguasaan mereka di Tanah Melayu. Golongan ini dijadikan sebagai perantaraan terbaik untuk menguasai masyarakat Melayu yang secara tradisinya begitu menghormati golongan feudal.[44]

Kedua, pendekatan evolusionisme; di mana tamadun Barat dianggap sebagai tamadun yang hebat berbanding dengan tamadun Timur.[45] Pencapaian hebat ini kononnya disebabkan penerimaan fahaman sekularisme yang menolak kepentingan agama di dalam kehidupan manusia.[46] Sebaliknya masyarakat Timur yang masih berpegang kepada agama dilabel sebagai tidak bertamadun dan perlu ditamadunkan oleh masyarakat Barat melalui proses penjajahan.[47]

---

[42] Wheelar, L.R. (1928), *Op.cit*, hh. 220-223.

[43] Sebagai contohnya seorang sarjana British dalam menceritakan kepentingan mempelajari budaya Melayu telah menegaskan: "*An understanding of the ideas and modes of thought of an alien people in a relatively low stage of civilization facilitates very considerably the task of governing them".* Lihat Skeat, W.W. (1967) *Malay Magic: Being an Introduction to the Folklore and Popular Religion in the Malay Peninsula*, New York: Dover Publications, h. ix.

[44] Khasnor Johan (1979), *Perkhidmatan Tadbir Melayu: Tradisi dan Peranan Dalam Konteks Kerajaan Penjajah*, dalam *Malaysia: sejarah dan proses pembangunan*, Kuala Lumpur: t.p, h. 134-145.

[45] Said, Edward W. (1981), *Covering Islam, How the Media and the Experts Determine Hows We See the Rest of the World*, London: Vintage, hh. 39-40, 60 & 62.

[46] Zainal Kling (1994), "Antropologi Tafsiran: Sumbangan Kebudayaan Melayu Kepada Teori", dalam *Syarahan Perdana Untuk Pengukuhan Profesor*, Kuala Lumpur, t.p, hh. 12-13. .

[47] Sebagai contohnya Frank Swettenham menyatakan bagaimana Raja Muda Abdullah telah meminta kuasa British untuk campurtangan di Negeri Perak dengan tujuan: *to teach him how to rule this unruly country, but the circumstances alone made that interference the duty of the paramount power*. Lihat Swettenham, F. (1893), *About Perak*, Singapura: Straits Times Press, hh. 5-9.

Berpandukan kepada pendekatan ini, pihak orientalis yang mengkaji pengaruh Islam di Tanah Melayu telah memburuk-burukkan undang-undang Islam seperti ketinggalan zaman, zalim, menindas, tidak berperikemanusiaan[48] dan banyak lagi bentuk keburukan yang dinisbahkan kepada undang-undang Islam.[49] Begitu juga semua sifat buruk yang dimiliki oleh masyarakat Melayu dikatakan berpunca daripada pegangan mereka terhadap Islam seperti suka berserah kepada takdir, tidak menghargai masa, menolak pemodenan[50] dan sebagainya. Ianya perlu diubah dengan memperkenalkan sistem pemikiran Barat, termasuklah sistem undang-undang bagi menggantikan undang-undang Islam yang sudah tidak releven untuk zaman sekarang.[51]

Ketiga, pendekatan difusionisme; ianya merupakan tanggapan bahawa kemajuan masyarakat Melayu bukan disebabkan sikap asal mereka yang rajin dan proaktif terhadap sesuatu kemajuan, tetapi dipengaruhi oleh budaya asing yang telah ditiru secara selektif sejak dahulu lagi oleh masyarakat Melayu.[52] Pendekatan ini telah menafikan kepandaian masyarakat tempatan (*local genius*) di dalam membina sesuatu tamadun yang tinggi.[53] Budaya asing yang kononnya telah mencirikan kebudayaan Melayu adalah Hindu, Arab, India dan Parsi. Menerusi pengkajian orientalis berkaitan pengaruh Islam terhadap jati diri masyarakat Melayu, mereka telah menggambarkannya secara meragukan dengan

---

[48] Maklumat lanjut boleh didapati dalam Abu Hassan Sham & Mariyam Salim (1995), *Sastera undang-undang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. xi-xxi.

[49] Maklumat lanjut boleh didapati dalam Said, Edward W. (1977), *Op.cit*, hh. 113-185.

[50] Swettenham, Frank (2005), *Op.cit*, h. 3.

[51] Maklumat lanjut boleh didapati dalam Rahimin Affandi Abdul Rahim (1995), "Budaya Taqlid di dalam Masyarakat Melayu: Suatu Tinjauan Ringkas", dalam *Jurnal Syariah*, j. 3, bil.1 ,hh. 37-38.

[52] Zainal Kling (1994), *Op.cit*, hh. 8-10.

[53] Turner, Bryan S. (1984), "Gustave E. Von Grunebaum and the Mimesis of Islam", dalam *Orientalism, Islam and Islamist*, Vermont: Amana Books, hh. 193-202.

mengatakan bahawa masyarakat Melayu sebenarnya tidak mempunyai pegangan keislaman yang cukup kuat dan masih lagi terpenggaruh dengan budaya lama iaitu animisme dan Hindu.[54] Pendekatan ini berteraskan sifat anti Islam yang terbawa-bawa dari semangat perang Salib[55] dan pengalaman penentangan yang telah dicetuskan oleh masyarakat Islam di tanah jajahan yang berada di bawah penguasaan kuasa Barat sebelum ini.[56]

2.3 PENDEKATAN KAJIAN ORIENTALIS TERHADAP UNDANG-UNDANG ISLAM

Pada peringkat ini, orientalis telah menggariskan beberapa langkah bagi melakukan kajian terhadap undang-undang Islam iaitu pertama, suatu bentuk piawaian kualiti yang ketat diterapkan berkaitan penilaian terhadap sumber rujukan yang membabitkan kajian berkaitan undang-undang Islam.[57] Para orientalis begitu teliti dalam menilai kebenaran dan kesahihan karya-karya yang dirujuk oleh sarjana Islam. Namun begitu, mereka telah bersikap liberal apabila mempertikaikan kebenaran tersebut dan telah memilih untuk menerima pakai sumber rujukan milik sarjana orientalis silam yang secara terang-terangan berunsurkan berat sebelah terhadap Islam.

---

[54] Landon, K.P. (1949), *Southeast Asia: Crossroad of Religions*, Chicago: University of Chicago, hh. 134-164.

[55] Ahmad Shalaby (1966), Mukhtar Yahya (terj.), *Masyarakat Islam*, Singapore: Pustaka Nasional, h. 349.

[56] Zakaria Stapa (1994), *Masyarakat Islam dan Isu Semasa*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, hh. 56-58.

[57] Goldziher, Ignaz (1981), Andras & Ruth Hamori (terj.), *Introduction to Islamic Theology and Law*, Princeton: Princeton University Press, hh. 31-45.

Kedua, sebarang kajian terhadap undang-undang Islam perlu dibuat menggunakan pendekatan *higher criticism*.[58] Pendekatan ini pada mulanya digunakan untuk membuktikan kesilapan yang terdapat di dalam agama Kristian, kemudian telah dipanjangkan penggunaannya kepada agama Islam. Berasaskan kepada pendekatan ini, orientalis cuba membuktikan kesilapan kandungan al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi pegangan masyarakat Islam selama ini.[59] Pada pandangan mereka, Islam adalah agama ciptaan manusia yang tidak mempunyai apa-apa keistimewaan termasuklah undang-undangnya. Bagi pihak orientalis, undang-undang Islam tidak mempunyai ciri-ciri fleksibel mengikut kesesuaian zaman. Malah manusia telah tertipu dengan apa yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW selama ini yang lebih menjurus kepada kepentingan peribadi.[60]

Bagi mereka, undang-undang Islam hanyalah sesuai untuk masyarakat Timur Tengah sahaja yang memiliki perwatakan negatif seperti menyukai kekerasan dan menolak sebarang bentuk pemodenan[61] Oleh sebab itu, sekiranya manusia menginginkan kemajuan dalam segala urusan kehidupan, secara jelas mereka perlu berpegang kepada beberapa pendekatan, iaitu:

1) Menolak segala bentuk perundangan Islam yang ketinggalan zaman dan mengantikannya dengan undang-undang Barat yang lebih bersifat semasa;[62]

---

[58] *Ibid*, h. xi.

[59] *Ibid*.

[60] Lihat Marx, Karl & Engels, Friedrich (1953) "The Russian Menace to Europe", dalam Blackstock, B. & Hoselitz, B. (eds.), *Extracts from the New York Tribune on the Crimean War*, London: George Allen and Unwin, hh. 121-202.

[61] *Ibid*.

[62] Moon, P.T. (1937), *Imperialism and World Politics*, New York: Macmillan, hh. 131-135.

2) Menggunakan pemahaman keagamaan mengikut pendekatan sekularisme dengan mengkhususkan undang-undang Islam hanya untuk tujuan peribadi dan upacara keagamaan semata-mata, manakala undang-undang Barat patut digunakan untuk menjamin kemaslahatan manusia dalam segenap perkara merangkumi semua urusan kehidupan;[63]

3) Islam perlu dibuat pembaharuan dalam segenap segi seperti yang berlaku kepada agama Kristian contoh lahirnya mazhab Protestant, yang menolak dan mengubah ajaran Kristian aliran Khatolik sehingga kepada peringkat menjadi suatu agama yang lain.[64]

2.4 ELEMEN NEGATIF BERKAITAN PENDEKATAN KAJIAN ORIENTALIS TERHADAP ISLAM

Lingkungan kajian yang dijalankan oleh orientalis Barat pada dasarnya berasaskan kepada epistemologi empirikal-induktif yang bertitik tolak dari fahaman sekularisme,[65] seperti kajian keagamaan. Kajian-kajian seperti ini dilihat telah mempengaruhi sebilangan besar sarjana Islam sendiri.[66] Menerusi lingkungan tersebut, pihak orientalis telah menyenaraikan beberapa kriteria dalam melakukan kajian terhadap Islam, iaitu:

---

[63] Untuk mengetahui lebih lanjut, sila rujuk Wilkinson, R.J. (ed.) (1908), *Papers on Malay Subjects: Law Part 1*, Kuala Lumpur: Government Printer, hh. 1-45.

[64] Lihat Goldziher, Ignaz (1981), *Op.cit*, hh. 36-40.

[65] Goode, William J. & Hatt, Paul K. (1952), *Methods in Social research*, Tokyo: McGraw-Hill Kogakusha, h. 7.

[66] Sebagai contoh, lihat kupasan yang diberikan oleh Sulayman S. Nyang & Samir Abed-Rabbo (1984), "Bernard Lewis and Islamic Studies: An Assesment", dalam *Orientalism, Islam and Islamist*, Vermont: Amana Books, hh. 259-260.

Pertama, penetapan bahawa Islam adalah agama rekaan yang jelas telah membohongi manusia selama ini menerusi sejarah kejadian manusia.[67] Ini terbukti dalam teori evolusi Darwin yang menganggap bahawa tamadun Barat merupakan tamadun yang hebat dan paling maju berbanding tamadun lain.[68] Berdasarkan teori ini, masyarakat yang masih berpegang kepada agama khususnya masyarakat Timur berada di dalam kelompok masyarakat primitif, yang tertipu dengan pengajaran keagamaan. Malah, teori ini menganggap bahawa penderitaan manusia berpunca daripada kelemahan sendiri yang tertipu dengan kepercayaan beragama.[69] Selain itu, seorang orientalis yang bernama Arthur Jeffery di dalam karyanya *The Quest of the Historical Muhammad* secara terang-terangan menggelar Nabi Muhammad SAW sebagai ketua perompak (*Robber* Chief).[70]

Kedua, penetapan bahawa Islam merupakan agama budaya yang dihasilkan oleh masyarakat primitif Timur Tengah.[71] Pada pandangan orientalis, Islam adalah agama yang direka berasaskan persekitaran masyarakat Arab di Timur Tengah, yang hidup di kawasan beriklim panas dan disebabkan itulah masyarakat Arab dilabel sebagai kasar dan ganas. Mereka beranggapan iklim mempengaruhi perwatakan seseorang.[72] Seterusnya mereka akan menafikan sebarang sumbangan bernilai yang diberikan oleh Islam dalam pembinaan sebuah tamadun yang hebat.[73]

---

[67] Said, Edward W. (1977), *Op.cit*, hh. 325-340.

[68] Lihat Southern, R.W. (1962), *Western Views of Islam in the Middle Ages*, Harvard: Harvard University Press, hh. 70-85.

[69] Schacht, Joseph (1950), *The Origins of Muhammadan Jurisprudence*, Oxford: Clarendon Press, hh. 2-8.

[70] Arthur Jeffery (1926), "The Quest of the Historical Muhammad", dalam *The Muslim World*, v.16, h. 338.

[71] Said, Edward W. (1977), *Op.cit*, hh. 327-340.

[72] Lihat Goldziher, Ignaz (1981), *Op.cit*, hh. 1-30.

[73] Spuler, Berthold (1960), *The Muslim World: A Historical Survey*, Leiden: E.J. Brill, hh. 56-57.

Ketiga, seorang pengkaji khususnya yang beragama Islam perlu menjadikan dirinya bebas ataupun meninggalkan pegangan agamanya sekiranya ingin melakukan kajian berkaitan antropologi terutama dalam bidang keagamaan.[74] Pendekatan yang berpegang kepada agama akan menjadikan seseorang itu tidak bebas untuk melakukan penelitian yang bersifat kritikal terhadap agamanya. Antara kaedah yang diterapkan dalam pendekatan tersebut adalah:

1) Sebarang kajian yang bersandarkan kepada pegangan keagamaan dianggap tidak mempunyai nilai akademik yang bermutu.[75] Ringkasnya, seseorang pengkaji tidak boleh menganggap Islam sebagai agama yang diciptakan oleh Allah SWT tetapi adalah agama rekaan yang sesat oleh Nabi Muhammad SAW.[76]
2) Sebarang kajian yang berkaitan dengan Islam tidak boleh dirujuk menggunakan sumber rujukan Islam seperti al-Quran mahupun karya sarjana Islam, tetapi perlu dirujuk menggunakan sumber-sumber luar yang menjurus kepada realiti sejarah umat Islam, untuk mengetahui gambaran Islam yang sebenar.[77]

Keempat, tokoh-tokoh akademik dari Barat telah terpengaruh sepenuhnya dengan pendekatan sekularisme. Pendekatan ini sama sekali menolak peranan agama di dalam kehidupan manusia, sebaliknya dikatakan sebagai punca kepada kemunduran sesuatu masyarakat.[78] Sebagai gantinya, sekiranya menghendaki kemajuan manusia perlu bertukar

---

[74] Lihat Goldziher, Ignaz (1981), *Op.cit*, hh. 36-40.

[75] *Ibid.*

[76] Arthur Jeffery (1926), *Op.cit*, h. 338.

[77] Schacht, Joseph (1950), *Op.cit*, hh. 2-8.

[78] Wright, H.M. (1961), *The New Imperialism*, Boston: Heath, hh. 152-167.

kepada penggunaan akal sepenuhnya yang berteraskan kepada falsafah humanisme.[79] Falsafah ini menumpukan kepada pencapaian untuk kepuasan diri dan nafsu manusia semata-mata.

Seperti yang sudah diterangkan pada perbincangan yang lepas, falsafah ini juga telah melahirkan satu pendekatan baru iaitu paradigma moral dan etika kemanusiaan yang relatif. Ianya merupakan asas untuk sebarang tindakan kebaikan yang perlu dilakukan oleh setiap manusia. Paradigma ini telah melahirkan beberapa prinsip tertentu,[80] iaitu:

a) Prinsip vitalisme; apa sahaja yang menguntungkan dari segi kebendaan akan dianggap sebagai baik. Ianya lebih berteraskan kepada elemen keduniaan semata-mata.
b) Prinsip kreativiti; apa sahaja yang boleh mencetuskan daya kreativiti sehingga tercetusnya ciptaan baru akan dianggap sebagai baik dan bermutu walaupun penghasilannya menyalahi pegangan agama.
c) Prinsip hedonisme; apa sahaja yang boleh mendatangkan keseronokan kepada manusia akan dianggap sebagai baik walaupun melampaui batas. Manakala apa sahaja yang boleh membawa kepada kesedihan dan penderitaan akan dianggap sebagai buruk.
d) Prinsip pragmatisme; apa sahaja yang merupakan kecenderungan kepada sesuatu dan disukai oleh masyarakat akan dianggap sebagai baik, walaupun ianya bertentangan dengan lunas keagamaan seperti mengakui amalan *free sex* dan

[79] Moon, P.T. (1937), *Op.cit*, hh. 131-135.

[80] Lihat Said, Edward W. (1977), *Op.cit*, hh. 113-300.

homoseksual. Kepentingan awam yang diwakili oleh majoriti masyarakat dianggap sebagai autoriti tertinggi yang perlu dihormati.

2.5 ELEMEN POSITIF BERKAITAN PENDEKATAN KAJIAN ORIENTALIS TERHADAP ISLAM

Kajian orientalis terhadap Islam tidak semesti segalanya bersifat negatif. Di sebalik pendekatan orientalis yang berbentuk sekularisme, ada juga para ilmuan yang memilih pendekatan kajian yang bersifat terbuka dan tidak menyebelahi mana-mana pihak. Dalam soal ini, kita dapat mengenal pasti beberapa elemen positif berkaitan pendekatan kajian orientalis terhadap Islam, antaranya:

Pertama, penubuhan Pusat Kajian Orientalisme Barat mengikut pendekatan pascakolonialisme moden.[81] Pendekatan ini merupakan bentuk kesedaran baru yang muncul di zaman moden dengan penerapan beberapa elemen yang menjurus ke arah positif, iaitu:

1) Kesedaran mengenai kegagalan sistem pemikiran Barat yang berteraskan fahaman sekularisme merangkumi segenap segi di dalam menghasilkan bentuk kehidupan yang bahagia kepada manusia.[82] Malah para ilmuan semakin sedar mengenai betapa

[81] Newby, Gordon D. (1996), "Muslim/Non-Muslim Relations: Lesson From the Past For A Better Future", dalam Aidit Haji Ghazali (ed.), *Development, Islamic, Malaysian and American Perspectives*, Kuala Lumpur: INMIND, hh. 49-50.

[82] Muhammad Kamal Hasan (2001), *Intellectual Discourse at the End of the Second Millennium: Concerns of A Muslim-Malay CEO*, Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, hh. 113-116.

pentingnya semua agama besar di dunia bersatu untuk menangani hegomoni fahaman sekularisme yang dibawakan oleh fenomena globalisasi.[83]

2) Kesedaran ilmiah yang mempersoalkan kerangka pemikiran orientalis silam, khususnya pendekatan yang terlalu menekankan subjek sains moden dan menafikan peranan subjek sains kemasyarakatan. Sekiranya pendekatan modenisme Barat menekankan prinsip pemisahan (*differentiation*) dan pemandirian (*autonomization*) semua aspek kehidupan daripada agama, gerakan pascamodenisme yang kecewa dengan pendekatan modenisme silam cuba untuk menterbalikkan hal ini dengan menerapkan prinsip rujuk kembali (*dedifferentiation*) kepada agama.[84]

3) Kesedaran mengenai sifat rasisme yang menunjangi pemikiran masyarakat Barat. Pihak orientalis beranggapan bangsa *Caucasian* (kulit putih) lebih tinggi kedudukannya berdasarkan kepada ras dan kepandaian. Secara asasnya, falsafah *Euro-Centrism* ini berpunca daripada paradigma evolusionisme ciptaan Charles Darwin yang menganggap tamadun Barat sebagai hebat dan unggul berbanding masyarakat di Timur.[85]

Kedua, perubahan nama dan fokus kajian daripada kajian setempat kepada kajian kawasan (*Regional Studies*). Sebahagian nama *Oriental Studies* telah diubah kepada nama *Islamic Studies* seperti Middle Eastern Studies dan Near Eastern Studies yang memfokuskan kajian terhadap pelbagai kawasan merangkumi Timur Tengah, Asia dan

---

[83] Lihat Rahminah Muharam (2000), "Hubungan Islam dan Kristian dalam Konteks Dokumen Vatican 11", dalam *Pemikir Oktober-Disember 2000*, hh. 202-212.

[84] Kuntowijoyo (2003), "Epistemologi dan Paradigma Ilmu-Ilmu Humaniora dalam Perspektif Pemikiran Islam", dalam Akh. Minhaji (ed.), *Menyatukan Kembali Ilmu-Ilmu Agama dan Umum: Upaya Mempertemukan Epistemologi Islam dan Umum*, Yogyakarta: Sunan Kalijaga Press, hh. 66-67.

[85] Said, Edward W. (1977), *Op.cit*, hh. 39-62.

Afrika. Seiringan dengan perubahan ini, penekanan yang diambil oleh pusat kajian ini lebih bersifat pragmatis dan menumpukan kepada pelbagai isu kontemporari.[86]

Ketiga, menggunakan pendekatan autokritik dan terbuka dengan perubahan.[87] Ianya bermula selepas menerima kritikan oleh Edward Said sehingga menuntut pihak mereka melakukan penilaian semula terhadap metodologi terdahulu yang memang sedia terpakai, merangkumi kajian yang berasaskan prasangka negatif terhadap Islam. Hasilnya penekanan mula diberikan kepada kajian keagamaan yang lebih berbentuk dialog peradaban antara agama.[88] Antara pusat kajian yang menggunakan pendekatan ini adalah Centre of Study Islam and Christian di England, Georgetown University di Amerika Syarikat dan Hartford Seminary di Amerika Syarikat.

Keempat, penggunaan paradigma yang mengabungkan kajian teks dengan realiti semasa yang wujud di dalam masyarakat.[89] Setiap pelajar digalakkan untuk mengkaji al-Quran, al-Sunnah dan warisan ulama silam yang secara langsung berkait dengan perkembangan masyarakat Islam. Ini akan memberikan kesahihan fakta yang dikaji berbanding penggunaan pendekatan yang berbentuk berat sebelah, di mana terus dibuat penilaian mengenai Islam dan masyarakatnya tanpa kajian yang telus.

---

[86] Newby, Gordon D. (1996), *Op.cit*, hh. 49-52.

[87] Ilyas Ba Yunus (1989), "Sosiologi dan Realiti Sosial Umat Islam", dalam Faruqi, I.R. (ed.), *Sains Sosial dan Sains Tulen*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 35-37.

[88] Muhammad Abdul Rauf (1985), "Outsider's Interpretation of Islam: A Muslim Point of View", dalam Richard C. Martin (ed.), *Approaches to Islam in Religious Studies*, Tuscon: The University of Arizona, hh. 185-187.

[89] Lihat Syed Hussein Alatas (1977), *Intellectuals in Developing Societies*, London: Frank Cass, hh. 10-31.

Kelima, menggunakan pendekatan filosofis di dalam sistem pengajian keilmuan Islam. Ianya telah mencetuskan pelbagai dinamisme yang berkaitan dengan perkembangan metodologi terkini dan dapatan kajian yang lebih bersifat terbuka.[90] Tanpa menafikan sifat negatif yang terdapat dalam pendekatan pengajian Barat berkonsepkan sekularisme, sistem pengajian yang berteraskan falsafah filosofis ini memang bersifat terbuka dan tidak berunsurkan fanatik walaupun terhadap tokoh orientalis sendiri. Berpandukan pendekatan ini terdapat tiga perkara penting yang ditekankan iaitu:

1) Pendekatan yang menggunakan karya sarjana Islam dan orientalis seperti Ignaz Goldziher, Joseph Schacht, Snouck Hurgronje, John Burton dan lain-lain lagi sebagai bahan kajian untuk menganalisa, mengkritik dan mengemukakan pandangan baru di dalam setiap isu yang dibentangkan. Pendekatan ini mendapat dorongan dan pengawasan sepenuhnya oleh para pengajar di setiap pusat kajian yang terdiri dari kalangan sarjana orientalis sendiri.[91] Sehubungan itu, para pelajar dilatih untuk bersikap professional dan kritis dalam melakukan kajian sehingga melahirkan pelbagai teori baru bagi menjawab kritikan negatif yang dilontarkan oleh sarjana orientalis terhadap Islam.[92]
2) Pendekatan yang mengikuti perkembangan metodologi terkini di dalam sesuatu kajian terhadap Islam. Berdasarkan sistem pengajian moden yang berkonsepkan terbuka di Barat, sesuatu kajian yang bermutu perlu mengikuti perkembangan

---

[90] Untuk maklumat lanjut, sila lihat Rahimin Affandi Abd Rahim (2000), "Orientalisme dan Keutuhan Ummah Islam: Suatu Analisis", dalam *Jurnal Syariah*, j. 9, bil. 1, hh. 39-41.

[91] Lihat Ratno Lukito (1997), "Studi Hokum Islam Antara IAIN dan McGill", dalam Yudian W. Asmin (ed.), *Pengalaman Belajar Islam di Kanada*, Yogyakarta: Titian Ilahi press, hh. 152-162.

[92] Maklumat lanjut boleh didapati dalam Ach. Minhaji (1997), "Kontribusi Dr Wael Hallaq dalam Kajian Hokum Islam", dalam Yudian W. Asmin (ed.), *Pengalaman Belajar Islam di Kanada*, Yogyakarta: Titian Ilahi press, hh. 115-142.

semasa, berlandaskan teori baru dan penggunaan metodologi kajian yang bersesuaian dengan bidang kajian.[93]

3) Dapatan kajian dari tokoh orientalis perlu dibentang dan diperdebatkan di dalam seminar ataupun simposium kajian orientalisme seperti Middle East Studies Association (MESA). Ianya akan dihadiri oleh sejumlah besar pakar dari kalangan penganut Islam dan bukan Islam. Dalam simposium ini, para pengkaji akan mempertahankan landasan teori yang digunakan dalam kajian mereka dan akan dinilai berdasarkan suatu bentuk penilaian yang ketat.[94]

Penggunaan pendekatan filosofis ini dan disertakan sekali dengan pemilihan metodologi yang betul telah melahirkan beberapa tokoh orientalis baru dalam menilai agama Islam dengan lebih kritis berbanding tokoh terdahulu.[95] Rata-ratanya telah tertarik dengan ketokohan Rasulullah SAW.[96] Tindakan ini timbul disebabkan mereka merasa tertekan dengan serangan anti agama yang dikenakan oleh fahaman sekularisme terhadap agama Kristian.[97] Ini berbeza dengan ajaran Islam yang lebih bersifat toleransi terhadap agama Kristian. Keadaan ini telah mendorong mereka untuk berfikiran terbuka, mengambil sikap yang lebih simpati, telus dan mengakui kebenaran ajaran Islam.[98]

---

[93] Mohd Natsir Mahmud (1997), *Op.cit*, hh. 51-54.

[94] Thoha Hamim (2004), *Islam dan NU: Di Bawah Tekanan Problematika Kontemporer*, Surabaya: Diantara, 2004, hh. 287-291.

[95] Tokoh-tokoh dari golongan ini adalah seperti John Esposito, John Voll, Richard Bulliet, Leon T. Hadar dan ramai lagi. Maklumat lanjut boleh didapati dalam Fawaz A. Gerges (1999), *America and Political Islam; Clash of Cultures or Clash of Interest*, Cambridge: Cambridge University Press, hh. 29-34.

[96] Watt, W.M. (1951), "Carlyle on Muhammad", dalam *The Hibbert Journal*, v. XLIX, h. 253.

[97] Boisard, M.A. (1980), *Humanisme dalam Islam*, H.M. Rasyidi (terj.), Jakarta: Pustaka Bulan Bintang, h. 87.

[98] Lihat Rahminah Muharam (2000), *Op.cit*, hh. 202-212.

2.6 KESIMPULAN

Pendekatan orientalis telah dipergunakan sepenuhnya bukan untuk tujuan kajian ilmiah yang murni, tetapi sarat dengan pelbagai kepentingan demi menaikkan tamadun Barat dan memperlekehkan agama Islam termasuklah undang-undang serta penganutnya. Hal ini boleh dilihat dari segi sejarah perkembangan pendekatan kajian orientalis terhadap Islam sejak zaman berzaman. Apa yang dikesali adalah bagaimana tokoh orientalis terdahulu menggunakan pendekatan yang berbentuk skeptikal dalam menilai kebenaran Islam, sehingga sanggup mengetepikan kebenaran walaupun mengetahuinya. Namun, pendekatan tersebut tidak berpanjangan kerana ahli akademik khususnya di Barat semakin sedar akan kelemahan fahaman sekularisme yang sebelum ini diangkat sebagai sempurna dalam menilai sesuatu bangsa khususnya masyarakat Timur. Hasilnya mereka semakin terbuka dan kritis dalam menilai sesuatu keputusan sebelum mengakui kebenaran tersebut.